

Faks : 237605

Tel : 252692

Bil : KEW(S)100-10/68 Klt.2

Tarikh : 30 Disember 2008



KEMENTERIAN KEWANGAN  
Wisma Kewangan  
88593 Kota Kinabalu  
Sabah, Malaysia

Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Setiausaha Tetap Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Negeri  
Semua Pegawai Daerah / Pegawai Daerah Kecil  
Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan  
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri

Y.Bhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN BIL. 12 TAHUN 2008  
DASAR PEROLEHAN DAN PELAKSANAAN SISTEM APLIKASI ICT, SERTA  
PENYIMPANAN DATA DAN SISTEM APLIKASI ICT KE PUSAT DATA KERAJAAN NEGERI**

**1. TUJUAN**

Surat pekeliling ini dikeluarkan untuk menyediakan garis panduan mengenai perolehan dan pelaksanaan sistem aplikasi ICT bagi semua program komputerisasi dan pengautomasian kerja-kerja pentadbiran ataupun fungsi utama Kementerian/Jabatan/Pihak Berkuasa Tempatan/Badan Berkanun, sama ada dibiayai melalui Kumpulan Wang Kerajaan Negeri atau Kumpulan Wang Kerajaan Persekutuan.

Adalah diharapkan melalui pelaksanaan dasar ini, usaha-usaha ke arah penyelarasan perkembangan pembangunan sistem aplikasi ICT bagi mengelakkan berlakunya pertindihan dan pembaziran kos dan juga memastikan perkongsian maklumat di antara agensi Kerajaan Negeri dapat dilaksanakan dengan berkesan.

**2. LATAR BELAKANG**

**2.1 Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri**

Selaras dengan fungsi utamanya, Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri telah dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan semua program komputerisasi bagi Kerajaan Negeri Sabah. Pihak Kementerian/Jabatan/Pihak Berkuasa Tempatan/Badan Berkanun boleh mendapatkan bantuan dan perkhidmatan daripada Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri bagi sebarang pelaksanaan program komputerisasi agensi masing-masing kerana jabatan ini mempunyai sumber rujukan dan kepakaran dari segi pelaksanaan sistem ICT.

**3. PEMBANGUNAN DAN PELAKSANAAN SISTEM APLIKASI ICT**

**3.1 Pembangunan Sistem Aplikasi ICT Baru**

Sebarang cadangan pembangunan sistem aplikasi ICT yang baru perlu dirujuk dan dimaklumkan kepada Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri. Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri akan meneliti dan membuat kajian yang sewajarnya bagi pembangunan sistem aplikasi ICT yang dipohon. Sekiranya



pihak Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri tidak mempunyai kepakaran dan tenaga yang mencukupi bagi pembangunan sistem aplikasi ICT yang diperlukan, maka perkhidmatan pembangunan secara *outsourc*e akan dicadangkan.

### **3.2 Sistem Aplikasi ICT Daripada Kerajaan Persekutuan/Agensi Kerajaan Persekutuan**

3.2.1 Semua sistem aplikasi ICT yang dibekalkan oleh Kerajaan Persekutuan/Agensi Kerajaan Persekutuan perlu dimaklumkan kepada Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri untuk diteliti dan diselaraskan sebelum sistem tersebut boleh digunakan oleh Kementerian/Jabatan/Pihak Berkuasa Tempatan/Badan Berkanun.

3.2.2 Penyelarasan ini perlu dilaksanakan bagi memastikan sistem aplikasi ICT yang dibekalkan boleh dilaksanakan mengikut kesesuaian di peringkat Kerajaan Negeri. Implikasi dari segi keserasian data, keselamatan data, pelaksanaan melalui sistem rangkaian ICT Kerajaan Negeri (Sabah.Net) serta keupayaan integrasi sistem berkenaan dengan sistem-sistem aplikasi ICT lain yang sedia ada akan diteliti.

### **3.3 Sistem Aplikasi ICT Daripada Pihak Ketiga (*Third Party*) Atau pun Swasta**

3.3.1 Sekiranya sistem aplikasi ICT yang hendak digunakan telah pun wujud dan boleh diperolehi melalui pihak swasta, permohonan bagi membuat perolehan terhadap sistem aplikasi ICT tersebut perlu dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri terlebih dahulu.

3.3.2 Tujuan pemakluman ini adalah bagi membolehkan pihak Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri menentukan perolehannya menjamin nilai pulangan yang optimum bagi sistem aplikasi ICT tersebut.

3.3.3 Perolehan melalui pihak ketiga ini perlu mematuhi garis panduan yang disediakan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri bertajuk "Garis Panduan IT *Outsourcing* Agensi-Agensi Sektor Awam" yang dikeluarkan pada Oktober 2006.

3.3.4 Bagi sistem aplikasi ICT yang diperolehi dari pihak swasta yang sedang digunakan oleh Kementerian/Jabatan/Pihak Berkuasa Tempatan/Badan Berkanun, maklumat mengenai sistem aplikasi ICT tersebut perlu dimaklumkan kepada Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri untuk dimasukkan ke dalam rekod pengurusan sistem aplikasi ICT Kerajaan Negeri Sabah.

### **3.4 Sistem Aplikasi ICT Yang Dibangunkan Secara Dalaman (*In-house*) Oleh Kakitangan Organisasi Sendiri**

Sistem aplikasi ICT yang telah dibangunkan secara dalaman (*in-house*) oleh kakitangan organisasi sendiri perlu dilaporkan dan dimaklumkan kepada Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri.

Pemakluman ini penting bagi membolehkan pihak Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri menyimpan maklumat tersebut ke dalam rekod pengurusan sistem aplikasi ICT Kerajaan Negeri Sabah dan juga memastikan audit sistem dilakukan bagi menjamin aspek keselamatan data dan sistem dipatuhi.



#### 4. PENYIMPANAN DATA DAN SISTEM APLIKASI ICT

##### 4.1 Pusat Data Kerajaan Negeri

Kerajaan Negeri Sabah telah menubuhkan Pusat Data Kerajaan Negeri di bawah seliaan Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri untuk memberikan perkhidmatan pusat data yang cemerlang kepada Kerajaan Negeri.

Pusat Data Kerajaan Negeri menyediakan perkhidmatan pengurusan serta sokongan operasi dan keselamatan rangkaian, data, sistem, aplikasi dan fizikal aset ICT Kerajaan Negeri yang bersepadu, sistematik dan profesional.

##### 4.2 Penyimpanan Data Digital Dan Sistem Aplikasi ICT Kerajaan Negeri di Pusat Data Kerajaan Negeri

- 4.2.1 Seiring dengan objektif penubuhannya, semua sistem aplikasi ICT yang dibangunkan dan digunapakai oleh semua Kementerian/Jabatan/Pihak Berkuasa Tempatan/Badan Berkanun di bawah Kerajaan Negeri hendaklah disimpan dan ditempatkan di Pusat Data Kerajaan Negeri.
- 4.2.2 Sebarang sistem aplikasi ICT yang dicapai melalui sistem rangkaian Sabah.Net oleh ibu pejabat dan cawangan agensi di seluruh negeri hendaklah disimpan dan ditempatkan di Pusat Data Kerajaan Negeri. Ini dapat memastikan agensi menggunakan sepenuhnya kemudahan rangkaian Sabah.Net yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri.
- 4.2.3 Walau bagaimanapun, ketetapan ini adalah dikecualikan kepada pelaksanaan sistem aplikasi ICT khusus yang hanya digunapakai oleh agensi tertentu pada satu lokasi sahaja dan tidak menggunakan rangkaian Sabah.Net.
- 4.2.4 Untuk langkah keselamatan, semua salinan data digital Kerajaan Negeri perlu disimpan di Pusat Data Kerajaan Negeri sebagai tempat penyimpanan data secara *offsite* kepada agensi. Setiap agensi adalah dinasihatkan agar menyerahkan sebanyak dua (2) salinan untuk simpanan sokongan data (*data backup*) dan sokongan sistem (*system backup*). Prosedur untuk melakukan sokongan data dan sokongan sistem untuk penyimpanan data secara *offsite* adalah seperti berikut:
- (a) Laksanakan prosedur sokongan data dan sokongan sistem mengikut tatacara yang dinyatakan dalam polisi keselamatan ICT "*Backup and Restoration – Server*" (polisi 3.4.2) yang disediakan oleh Sabah Government Computer Emergency Response Team (sgCERT). Polisi keselamatan ICT ini boleh dirujuk di laman web <http://www.sgcert.org/policy.asp>
  - (b) Hantar media sokongan ke ibu pejabat Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri, yang akan menghantar perkara tersebut ke Pusat Data Kerajaan Negeri untuk disimpan.
  - (c) Sebarang permohonan untuk mendapatkan semula media sokongan perlu dikemukakan kepada ibu pejabat Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri.

5. **RUJUKAN**

Permohonan serta pemakluman boleh dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri melalui alamat berikut dengan menggunakan borang seperti pada **Lampiran A:**

Pengarah  
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri  
Tingkat 1, Blok A, Wisma Kewangan  
Beg Berkunci 2057  
88999 KOTA KINABALU  
No. Telefon : 088-272444 / 272210 / 272306  
No. Faksimili : 088-215116

6. **TARIKH KUATKUASA**

Tarikh kuatkuasa pelaksanaan pekeliling ini adalah mengikut tarikh ia dikeluarkan.

Sekian dan terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH"  
"JIMAT DAN PRODUKTIF"**



**YUSOFF BIN DATUK HAJI MOHD. KASSIM, PGDK**  
Setiausaha Tetap  
Kementerian Kewangan



### BORANG PERKHIDMATAN PELAKSANAAN SISTEM APLIKASI ICT

Nama Organisasi : \_\_\_\_\_

Alamat : \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_

No. Telefon : \_\_\_\_\_ No. Faksimili : \_\_\_\_\_

Pegawai Untuk  
 Dihubungi/Dirujuk : \_\_\_\_\_

E-Mel : \_\_\_\_\_

Sila isi dan tandakan X bagi yang berkaitan. Gunakan satu (1) borang untuk setiap sistem aplikasi ICT.

<input type="checkbox"/>	Permohonan Pembangunan Sistem aplikasi ICT	<input type="checkbox"/>	Pemakluman Sistem aplikasi ICT Daripada Kerajaan Persekutuan/Agensi Persekutuan
<input type="checkbox"/>	Pemakluman Sistem aplikasi ICT Sedia Ada	<input type="checkbox"/>	Pemakluman Sistem aplikasi ICT Yang Dibangunkan Secara <i>In-house</i>
<input type="checkbox"/>	Pemakluman Sistem aplikasi ICT Yang Diperoleh Daripada Pihak Swasta		

Nama Sistem : \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_

Objektif Sistem : \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_

Alamat Web : \_\_\_\_\_

Dibangunkan Oleh : \_\_\_\_\_

Kos Sistem : \_\_\_\_\_

Kos Penyelenggaraan : Sebulan : \_\_\_\_\_ Setahun: \_\_\_\_\_